

23 OCT 2002

Najib-Perniagaan/I

KAJI SEMULA DASAR WUJUDKAN CONTOH IKUTAN DALAM PERNIAGAAN - NAJIB

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Seorang menteri kanan Kabinet hari ini berkata dasar Malaysia untuk mewujudkan kisah kejayaan korporat segera dan contoh ikutan perlu dikaji semula, dengan tadbiran korporat yang baik dan ketelusan menjadi norma bukannya pengecualian tertentu.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata usaha kerajaan untuk mewujudkan pemimpin perniagaan Bumiputera kelas baru berada di bawah jangkaan bukan disebabkan dasar yang salah tetapi kerana kekurangan kawalan yang diletakkan ke atas mereka yang kononnya menjadi contoh ikutan.

"Yang salahnya ialah kurangnya kawalan yang diletakkan terhadap ikon kejayaan dalam pengurusan dan tadbiran syarikat-syarikat yang mereka pimpin.

"Kami meletakkan harapan yang tinggi terhadap sekumpulan kecil individu ini, memberikan mereka peluang demi peluang dengan harapan mereka akan memberikan keputusan yang membanggakan rakyat dan negara. Kami kini sedar bahawa adalah perlu mungkin untuk lebih berhati-hati dalam menyediakan peluang-peluang," kata Najib dalam ceramah makan malam anjuran Kelab Akhbar Kebangsaan di sini malam ini.

Secara nyata merujuk kepada beberapa siri kegagalan sejak akhir-akhir ini membabitkan beberapa orang tokoh perniagaan terkemuka yang pernah diberikan konsesi yang amat besar di bawah dasar penswastaan, Najib berkata negara kini perlu berwaspada dalam menyediakan terlalu banyak peluang kepada terlalu sedikit individu dalam tempoh masa yang terlalu singkat.

Mereka yang banyak gangguan tidak akan mempunyai banyak peluang untuk berjaya, kata Najib sambil menjelaskan bahawa pendedahan baru-baru ini terhadap masalah korporat di Amerika Syarikat sepatutnya memberikan peluang kesedaran kepada sektor korporat Malaysia untuk menentukan hala tuju mereka.

Najib, yang juga naib presiden Umno berkata perbadanan di Malaysia perlu memberi perhatian terhadap salah laku beberapa syarikat besar Amerika Syarikat dan pada masa yang sama mengendalikannya sendiri audit dan membuat penilaian terhadap diri sendiri.

"Kesudahannya, perbadanan juga mesti membuktikan ia bertanggungjawab dan boleh menjawab kepada para pemilik saham sama ada majoriti atau minoriti," kata beliau.

Beliau menarik perhatian bahawa syarikat-syarikat dan para pekerja di Malaysia mesti membuktikan mereka lebih kompetitif di rantau dan dunia yang semakin penuh dengan cabaran dan permintaan, dengan pelaburan langsung asing serantau semakin menurun dan kebanyakannya berpindah ke China.

Semasa menjelaskan rasional Malaysia untuk bertukar kepada bahasa Inggeris mulai tahun depan bagi pengajaran Sains dan Matematik, Najib berkata "Kita mestilah tidak terus berfikiran sempit dan terus memperjuangkan bahasa kita ketika masyarakat sendiri ketinggalan dan ortodoks dalam berhadapan dengan saingan global yang sengit."

Mengenai senario politik masa depan, beliau berkata sejak pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jun lepas mengenai persaraannya dalam masa setahun, Malaysia telah diletakkan dalam mod penggantian politik.

Tetapi beliau berkata bukannya ketidakpercayaan dan ketidakpastian yang berlaku selepas itu tetapi proses penggantian telah ditentukan dengan jelas serta tepat dan ini merupakan lambang kejayaan sebenar kepimpinan politik Malaysia.

"Telah dikatakan bahawa ujian sebenar bagi seorang pemimpin ialah cara beliau mengundurkan diri. Banyak pemimpin negara tumbang, di sebalik kejayaan mereka terutamanya dari segi reputasi apabila mereka kekal terlalu lama atau berakhir dengan dipaksa turun.

"Dalam hal ini, Dr Mahathir tergolong dalam kumpulan eksklusif yang mengosongkan pucuk pimpinan dengan cara yang paling terhormat. Beliau meletakkan pelan penggantian yang teratur di tempat yang sepatutnya dan jangkamasa yang sesuai untuk menyerap dan menampung sebarang kesan daripada tindakan itu.

Beliau berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dinamakan oleh Dr Mahathir sebagai pengganti perdana menteri, akan menyediakan satu tahap kestabilan dan kesinambungan dan ini akan memastikan peralihan kuasa yang licin tanpa gangguan tibanya Oktober tahun depan.

Dalam ceramahnya, Najib tidak menyebut langsung mengenai kecenderungan Dr Mahathir sendiri terhadap beliau untuk mengambil alih daripada Abdullah selaku timbalan perdana menteri yang berikutnya.

Dr Mahathir baru-baru ini berkata Najib, disebabkan kekananannya dalam parti dan Kabinet, merupakan calon yang paling sesuai untuk mengambil alih sebagai No. 2.

Tetapi Najib berkata: "Saya rasa tidak realistik malahan keterlaluan untuk memikirkan bahawa semuanya akan kekal serupa apabila kepimpinan yang baru muncul.

"Sudah pasti akan terdapat satu pusingan dimensi politik yang baru. Ini jelas. Bagaimanapun, apa yang penting ialah ia tidak akan menjadi gangguan atau membawa kepada ketidakstabilan. Sistem yang kita ada akan memastikannya," katanya.

-- BERNAMA
AU ROS RON